

07 JUL 1998

M'SIA-PERTUMBUHAN/I

M'SIA AKAN KAJI SEMULA UNJURAN PERTUMBUHAN

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata adalah perlu untuk mengkaji semula unjuran pertumbuhan Malaysia bagi 1998 daripada ramalan 2.0 hingga 3.0 peratus sebelum ini.

Beliau tidak menyebut sebarang angka tetapi berkata ia akan diumumkan tidak lama lagi.

"Tetapi kerajaan akan cuba merangsang ekonomi dengan mengujudkan dana-dana baru seperti Danaharta dan langkah-langkah lain," beliau memberitahu pemberita selepas hari pertama dialog Belanjawan 1999 di sini.

Ditanya sama ada negara akan mencatatkan pertumbuhan negatif bagi seluruh tahun 1998 seperti apa yang telah berlaku dalam suku pertama tahun ini, Anwar berkata, "Kita berharap tidak memasuki tahap negatif. Kita sedang mengkaji angka-angka dan ingin tahu secepat mana pakej galakan (terbaru negara) dilaksanakan."

Ke arah matlamat tersebut, katanya adalah amat penting bahawa semua agensi dan jabatan mengambil langkah-langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek dan kelulusan.

Anwar berkata dalam masa yang sukar sekarang, perjumpaan harian diadakan antara beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sokongan menyeluruh diperlukan.

Beliau juga berkata seseorang itu tidak seharusnya bersikap terlalu sensitif mengenai perdana menteri memandu ekonomi kerana "kami bekerja dengan berkesan sebagai satu pasukan."

Mengenai prestasi ekonomi negara bagi suku kedua tahun ini, Anwar berkata angka-angka itu juga akan diumumkan tidak lama lagi.

Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) sebenar Malaysia memperlihatkan penguncupan negatif 1.8 peratus dalam suku pertama tahun ini, pertama kali sejak 1985 apabila terdapat pertumbuhan negatif 1.2 peratus bagi seluruh tahun berkenaan.

Di dalam suku akhir 1997, pertumbuhan KDNK adalah 6.9 peratus, yang menggambarkan prestasi kukuh sektor-sektor utama ekonomi sebelum krisis kewangan serantau yang bermula dari suku ketiga tahun itu.

Mengenai dialog Belanjawan tahun ini, Anwar berkata: "Belanjawan kali ini agak berlainan kerana kita akan menumpukan perhatian yang agak serius terhadap masalah yang dibangkitkan berdasarkan kepada kegawatan ekonomi yang dialami sekarang."

Beliau mengulangi bahawa dalam keadaan sekarang, kerajaan akan terus menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara yang akan diuruskan melalui Danaharta yang akan dibentangkan di Parlimen dan Dana Infrastruktur RM5 bilion yang diumumkan baru-baru ini bagi membantu meneruskan projek-projek infrastruktur strategik yang terbengkalai.

Ditanya sama ada kerajaan akan menimbangkan pemotongan dalam cukai pendapatan korporat dan orang perseorangan dalam Belanjawan 1999, Anwar berkata: "Kita telah mengurangkan cukai-cukai setiap tahun. Bagi tahun ini kita mengkaji (isu-isu) konvensional dan kurang konvensional."

-- BERNAMA

AA SHY OS